

# 'Tak perlu adakan usul undi percaya terhadap PM'

BH - 25/8/2021 ml: 16

## Tun M dakwa tindakan berisiko tukar Perdana Menteri sekali lagi

Oleh Hamzah Osman  
bhnews@bh.com.my

**Langkawi:** Usul undi percaya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, di Parlimen tidak lagi perlu dilakukan kerana memberi risiko berulang pergolakan politik dalam negara, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak fikir perkara itu (dilakukan) kerana kita tak nak tukar sekali lagi Perdana Menteri.

"Kalau ke Parlimen, dia (Ismail Sabri) tak dapat majoriti, (Perdana Menteri) kena tukar lain dan dunia ketawakan kita," katanya pada sidang media di

Pusat Khidmat Ahli Parlimen Langkawi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan Pengurus Jemaah Penasihat UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah, supaya undi percaya terhadap Perdana Menteri dibuat segera di Parlimen.

Sementara itu ketika mengulas konsep 'Keluarga Malaysia' yang diperkenalkan Ismail Sabri, beliau berkata, slogan itu perlu disusuli cara bekerja oleh pemimpin dan rakyat.

"Kalau tukar slogan, tapi buat kerja macam itu juga tak guna, menгарut sahaja dan kita khuatir (kemampuan) dia (Ismail Sabri) bawa cara baharu atau tidak.

"Kalau kita lihat dari segi penyokong kerajaan adalah orang sama, tiada beza langsung, cuma yang tukar Perdana Menteri," katanya.

Ismail Sabri dilantik Perdana

Menteri Kesembilan pada Sabtu lalu, menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang meletak jawatan selepas kehilangan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Mengenai pembentukan Kabinet, Dr Mahathir mengesyorkan

Kerajaan Persekutuan membentuk Kabinet bersaiz kecil dan dianggotai hanya mereka yang berkebolehan serta cekap dalam pentadbiran.

Beliau berkata, pemilihan anggota Kabinet sepatutnya dibuat dengan penilaian teliti dan mengambil kira kebolehan serta kecekapan bekerja.

"Saya harap (Kabinet yang akan dibentuk Perdana Menteri baharu) saiznya tak berapa besar, tak macam Kabinet sebelum ini.

"Untuk menjadi menteri, sepatutnya kena ada kebolehan, ti-

dak seperti sesetengah menteri dalam Kabinet terdahulu, tak kerja apa pun.

"Tidak buat kerja dan cuma dapat gaji sahaja. Janganlah jadi macam itu...(pilih) yang ada kebolehan," katanya.

Dr Mahathir turut mengingatkan pimpinan baharu kerajaan supaya tidak memperlihatkan kepada umum bahawa tawaran jawatan menteri kepada ahli Parlimen sebagai sokongan untuk meraih sokongan.

Sementara itu, mengulas mengenai jawatan Timbalan Perdana Menteri, beliau berkata, Ismail Sabri perlu menutup pintu kepada kluster mahkamah dan ahli politik yang ada sejarah melompat parti.

"Geng kluster mahkamah tak boleh ada dekat dengan kerajaan (baharu). Sepatutnya, mereka diasing dan jangan dipilih jadi Timbalan Perdana Menteri.

"Jawatan Menteri pun mereka tak boleh, malah pemimpin BERSATU pun tak boleh, semuanya katak lompat," katanya.



Dr Mahathir Mohamad